

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA DAN PENGANUGERAHAN FELLOW INTAN 1999
Lokasi : ODITORIUM INTAN BUKIT KIRA
Tarikh : 15-05-1999

Saudara Pengacara Majlis,

Y.Bhg. Datuk Samsuddin Osman Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Y.Bhg. Dr. Zulkurnain Awang Pengarah INTAN Dif-dif Kehormat Pegawai-pegawai Kanan Perkhidmatan Awam Para Graduan INTAN yang diraikan Bismillahir-rahmanir-rahim

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada INTAN yang telah sekali lagi mengundang saya ke Majlis Penganugerahan Diploma Pengurusan Awam dan Pengurusan Maklumat serta Fellow INTAN bagi tahun 1999.

2. Majlis ini sekali lagi menonjolkan peranan INTAN bagi melatih dan membimbing pegawai-pegawai awam supaya dapat mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing secara berkesan selaras dengan kehendak Kerajaan dan rakyat negara ini. Sejak INTAN ditubuhkan 27 tahun yang lalu, institusi ini telah melatih beribu-ribu orang pegawai Kerajaan dan membekalkan mereka dengan kemahiran yang tertentu bagi membolehkan mereka menjadi pegawai yang baik dan berprestasi tinggi. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan dan sumbangan INTAN merupakan salah satu faktor kenapa Perkhidmatan Awam Malaysia hari ini adalah salah satu perkhidmatan awam yang terbaik di Asia. INTAN bukan sahaja terkenal di Malaysia, malah di seluruh negara-negara membangun yang juga turut menikmati latihan yang diberi oleh INTAN.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pegawai INTAN dulu dan sekarang yang telah sama-sama mengharumkan nama negara. Dengan adanya perkhidmatan Awam yang cekap, negara kita dapat membangun dengan cukup pesat, walaupun terpaksa berhadapan dengan berbagai cabaran.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Adalah menjadi perkara biasa apabila memasuki tahun baru, dekad baru atau alaf baru, kita akan menilai pencapaian kita atau stock-taking, mengenal-pasti kejayaan dan kelemahan kita dan selanjutnya merumuskan beberapa tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi cabaran-cabaran dalam dekad atau alaf baru.

Saya percaya INTAN juga akan turut membuat penilaian yang sama. Bagi saya every year is a challenging year in the public service kerana Kerajaan dan rakyat mengharapkan perkhidmatan yang lebih cekap, lebih berkualiti, dan lebih inovatif tiap-tiap tahun. Sesungguhnya peningkatan kualiti perkhidmatan tidak ada hadnya. It is a never ending process. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa cabaran ketika ini, menjelang millenium baru, adalah yang terbesar yang pernah kita hadapi. Cabaran ini adalah kesan dari revolusi IT dan proses globalisasi yang melanda setiap penjuru dunia. Kedua-dua faktor ini telah mula mengubah persekitaran kerja, proses pentadbiran serta cara perniagaan dan perdagangan diurus. Sesiapa saja yang tidak peka dan bersiap sedia menghadapi perubahan ini akan menghadapi kemelesetan dan kerugian. Oleh itu pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam mestilah mahir mengguna IT dan multimedia dan perlu diberi latihan mengenai teknik-teknik pengurusan in a networked society, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan sistem 'electronic government' di negara ini.

4. Selain dari itu dalam era globalisasi ini, sudah tentu interaksi antara negara kita dengan dunia luar akan meningkat dengan lebih ketara lagi. Manakala kita boleh mencapai manfaat dari beberapa aspek globalisasi, kita juga akan sentiasa terdedah kepada tekanan oleh kuasa-kuasa luar supaya menerima atau tunduk kepada standard-standard dan norma yang mereka senangi dari segi amalan politik dan ekonomi yang mungkin bertentangan dengan kepentingan negara kita sendiri. Oleh itu Perkhidmatan Awam mestilah juga mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang hubungan antarabangsa seperti

international finance, international trade, transportation, environment dan international law. Tanpa kepakaran dalam bidang-bidang tertentu ini, tidak mungkin kita dapat mempertahankan kepentingan negara kita di forum-forum antarabangsa di mana undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan ekonomi, politik dan sebagainya digubal. Ini bermakna bahawa pengkhususan atau specialisation dalam bidang-bidang tertentu di kalangan pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam perlulah diwujudkan.

5. Perkhidmatan Awam Malaysia amat bernasib baik kerana sejak Merdeka lagi didukung oleh Kerajaan yang amat prihatin serta mengambil berat terhadap kemajuan pentadbiran dan kesejahteraan pegawai-pegawainya.

Selain dari latihan dalam negeri, Kerajaan juga telah membelanja wang yang cukup banyak bagi menghantar pegawai-pegawainya keluar negeri untuk mengikuti kursus serta latihan tambahan. Tiap-tiap tahun, peruntukan yang besar diberi bagi memperbaiki pejabat atau membina pejabat baru yang lebih selesa bagi pegawai-pegawai bekerja. Beratus-ratus juta ringgit telahpun dibelanja untuk melengkapi jabatan-jabatan Kerajaan dengan sistem komputer bagi memudahkan proses kerja dan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan. Kerajaan juga sanggup mengeluarkan perbelanjaan yang banyak, sebagai pelaburan untuk masa depan, bagi membangun pusat pentadbiran yang baru di Putrajaya dengan segala kemudahan untuk kemajuan Perkhidmatan Awam.

Perpindahan beberapa jabatan ke Putrajaya akan bermula pada akhir bulan ini.

6. Dengan sokongan dan komitmen yang begitu besar dan berterusan dari Kerajaan kepada Perkhidmatan Awam, tidak hairanlah kalau Kerajaan dan masyarakat amnya mengharapkan perkhidmatan yang lebih baik, lebih komited dan lebih berkualiti dari pegawai-pegawai.

Tidak hairanlah kalau Perkhidmatan Awam dari masa ke semasa mendapat kritikan dari masyarakat jika terdapat perkhidmatan yang kurang memuaskan. Saya berharap kita pegawai-pegawai menerima kritikan itu sebagai satu cabaran untuk mempertingkatkan lagi prestasi dan kualiti perkhidmatan kita. Perkhidmatan Awam Malaysia adalah salah satu yang terbaik di Asia. Namun dengan usaha yang lebih sedikit, kita boleh menjadi yang terbaik di dunia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Cabaran, isu dan permasalahan baru yang dicernakan oleh perubahan persekitaran bukan saja memerlukan kita ke arah melatih pengurus dan pemimpin yang lebih cekap dan berkesan, tetapi juga penguasaan ilmu kemahiran dan kepakaran yang baru untuk menangani keadaan krisis dengan lebih bersedia. Krisis seperti pendatang haram, masalah air, jerubu, kegawatan ekonomi, dan penyakit Japanese Encephalitis telah menjadi pengajaran yang amat berguna tentang perlunya kita memperoleh kemahiran, kepakaran dan pengetahuan dalam pengurusan dan pengendalian krisis.

8. Perkhidmatan Awam kini berdepan dengan dunia pelanggan yang berbeza, mempunyai citarasa yang berlainan serta ekspektasi yang tinggi. Pelaksanaan tugas melalui cara tradisional tidak lagi sesuai dalam konteks hari ini. Kaedah pelaksanaan sesuatu dasar, undang-undang dan peraturan yang bersandarkan kepada pendekatan yang sedia ada boleh mewujudkan tekanan dan halangan yang membebaskan Perkhidmatan Awam itu sendiri. Contohnya, Kerajaan telah meminda beberapa peraturan berkaitan dengan pengurusan kewangan bagi memudah dan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Di samping itu kita perlu mencari dan meneroka kaedah-kaedah baru seperti melalui 'networking', perkongsian bistari dan sebagainya. Dalam konteks ini, INTAN wajar memantapkan peranannya untuk mengujudkan modul latihan dan kursus yang lebih spesifik dengan matlamat untuk membekalkan penjawat awam dengan kemahiran dan kepakaran yang relevan dengan keperluan semasa khususnya menjelang alaf baru ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Sebagai kakitangan perkhidmatan awam, kesetiaan kita adalah kepada Kerajaan yang memerintah hari ini.

Kita mesti akur kepada dasar dan arahan Kerajaan yang memerintah. Kita mesti pertahan dasar-dasar yang telah ditetapkan dan laksanakan segala pelan dan program yang telah dirancang tanpa berbelah bagi atau dipengaruhi oleh pihak-pihak lain. Inilah prinsip yang kita pegang selama ini. Inilah prinsip yang menyatupadukan Perkhidmatan Awam dan memberi kita kekuatan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan hingga negara menjadi maju dan aman. Saya berasa kesal ada pihak-pihak yang tertentu, atas sebab politik cuba memecah-belah Perkhidmatan Awam supaya ia lemah dan mudah dipengaruhi. Saya berharap pegawai-pegawai Kerajaan sedar tentang adanya usaha-usaha ini, dan menjauhkan diri dalam apa jua aktiviti anti-Kerajaan yang bertentangan dengan prinsip dan etika Perkhidmatan Awam.

10. Dalam mengujudkan Perkhidmatan Awam yang bersih lagi berintegriti tinggi, setiap penjawat awam sentiasa mengendalikan tugas dan memelihara perwatakan berlandaskan kepada nilai-nilai yang murni seperti ketelusan, integriti, perasaan rendah diri, sedia berkhidmat untuk membawa kebaikan, serta bersikap adil dan ikhlas, yang menjadi asas utama kepada pengurusan dan pentadbiran yang berkesan. Di samping nilai-nilai ini, cabaran masa depan memerlukan kita mempunyai sikap yang terbuka dan pro-aktif, yang selalu bersedia untuk menerima pengetahuan, idea, kemahiran dan kepakaran terbaharu melalui pelbagai kaedah termasuk latihan dan 'self-directed learning'.

11. Di dalam konteks untuk mencapai dan menjamin kecemerlangan dalam Perkhidmatan Awam, adalah penting bagi kita mengkaji semula beberapa aspek penting, iaitu asas-asas pengambilan pegawai baru, program latihan, penempatan, urusan kenaikan pangkat, pengkhususan dan kepimpinan dalam Perkhidmatan Awam agar kita dapat memilih bakal-bakal pegawai yang sesuai dan berpotensi untuk dilatih supaya menjadi pegawai cemerlang yang bersedia untuk berkhidmat di dalam dan di luar negara. Keenam-enam 'critical areas' di dalam pengurusan personel Perkhidmatan Awam ini jika diurus secara berkesan dan profesional, akan dapat membantu memantapkan lagi kewibawaan dan kecemerlangan Perkhidmatan Awam negara ini. Oleh itu adalah penting bagi kita secara berterusan mengkaji dan menilai semula Perkhidmatan Awam agar ianya sentiasa sesuai dengan peredaran zaman. Hanya organisasi yang cekap dan berkesan serta relevan dengan tuntutan semasa akan berjaya mengharungi ujian masa.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Pada majlis ini juga, kita turut berbangga kerana dapat meraikan seorang tokoh yang berwibawa lagi terkenal bukan saja di dalam negeri tetapi juga diiktiraf di arena antarabangsa. Tokoh INTAN Fellow tahun ini iaitu Y.Bhg. Tan Sri Razali Ismail adalah contoh yang tepat bagi mencerminkan seorang pegawai yang telah menunjukkan prestasi 'par excellence' sebagai seorang diplomat yang telah bukan sahaja mencurahkan jasa dan khidmat baktinya kepada negara tetapi berjaya mengharum nama negara di peringkat antarabangsa. Sumbangan Y.Bhg. Tan Sri Razali Ismail di peringkat antarabangsa terutamanya di multilateral fora adalah besar dan jelas menunjukkan kecemerlangan dan kemampuan seorang anak Malaysia sehingga berjaya dilantik sebagai Presiden, Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu Ke-51 pada tahun 1996.

13. Di sini saya, bagi pihak Perkhidmatan Awam keseluruhannya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Y.Bhg. Tan Sri Razali Ismail kerana telah terpilih untuk menerima anugerah INTAN Fellow bagi tahun 1999.

14. Saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya mengikuti kursus Diploma Pentadbiran Awam dan Pengurusan Maklumat dan adalah menjadi harapan saya agar graduan-graduan baru dapat berkhidmat kepada negara dengan penuh dedikasi dan keyakinan. Akhir sekali, saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga ke arah menjayakan upacara hari ini.

Sekian. Terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.